Kevinder Singh a/l Makbul Singh dan satu lagi lwn Malay Mail Sdn Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO 23NCVC-24–02 TAHUN 2013
ROSILAH YOP H
30 SEPTEMBER 2014

Tort — Fitnah — Libel — Tuntutan ganti rugi bagi pengataan-pengataan dalam artikel yang diterbitkan dalam akhbar — Sama ada artikel mengandungi pengataan-pengataan berbaur fitnah — Sama ada artikel yang mengandungi pengataan-pengataan berbaur fitnah ditujukan kepada pihak-pihak yang menuntut — Sama ada pengataan-pengataan berbaur fitnah telah diterbitkan — Sama ada elemen-elemen libel telah dibuktikan — Pembelaan justifikasi dan perlindungan bersyarat — Sama ada terbukti

Plaintif-plaintif menuntut terhadap defendan-defendan untuk ganti rugi bagi tort fitnah berdasarkan terbitan artikel oleh defendan-defendan. Terbitan ini termasuk versi dalam talian akhbar berkenaan. Plaintif-plaintif menyatakan bahawa sengatan pengataan-pengataan fitnah terletak pada keseluruhan artikel tersebut yang mana dikatakan membawa maksud bahawa plaintif-plaintif adalah pemabuk; pembuat kekecohan dan telah melanggar undang-undang; pihak polis terpaksa dipanggil untuk mengusir plaintif-plaintif dari sebuah hotel di Sydney semasa Kejohanan Sikh Australia di Sydney pada bulan April 2012; plaintif-plaintif adalah orang yang kasar dan suka bergaduh dan menyebabkan banyak gangguan kepada tetamu; plaintif-plaintif mula minum, berkelakuan tidak senonoh; mewujudkan masalah dengan penumpang lain; mewujudkan bahaya di atas kapal pesawat; menyebabkan huru-hara sebaik sahaja tanda tali pinggang keledar di dalam pesawat telah dimatikan dan terus berbuat demikian untuk tempoh keseluruhan Kejohanan Hoki di Sydney; plaintif-plaintif akan menyebabkan masalah dan kekacauan dalam pasukan Hoki Malaysia; dengan memasukkan plaintif-plaintif dalam pasukan Hoki Malaysia, masa depan pasukan Hoki Malaysia telah menemui kegagalan; plaintif-plaintif mempunyai reputasi yang buruk dan adalah begitu buruk dan memalukan dan mereka tidak harus dibenarkan untuk datang dalam lingkungan 100 batu dari pasukan Hoki Malaysia. Defendan-defendan dalam pembelaan mereka mengakui artikel tersebut telah diterbitkan namun menafikan bahawa ia merujuk kepada plaintif-plaintif. Defendan-defendan menghujahkan lagi bahawa artikel tersebut tidak berunsur fitnah serta memplidkan pembelaan justifikasi dan perlindungan bersyarat.

Diputuskan, menolak tuntutan dengan kos sebanyak RM30,000:

(1) Artikel tersebut tidak menamakan mana-mana pemain termasuk plaintif-plaintif dan hanya menyebut secara amnya ciri-ciri tiga individu sebagai pemabuk dan kaki judi. Dalam tindakan ini, plaintif-plaintif tidak mengadu pada pengataan yang dibuat pada seseorang individu tertentu tetapi berkaitan tiga set adik-beradik yang dalam perjalanan untuk Australian Sikh Games di Sydney yang semuanya telah diusir keluar dari hotel. Tidak terdapat keterangan yang boleh menghubungkan untuk mengenal pasti sama ada secara inferens kepada tiga set pasangan adik-beradik Sikh dalam artikel tersebut, maka adalah tidak berasas untuk plaintif menyatakan artikel tersebut merujuk kepada mereka (lihat perenggan 26–28 & 34).

(2) Walaupun defendan-defendan mengaku telah membuat terbitan artikel tersebut dan dengan pengakuan tersebut, elemen terbitan telah dibuktikan, plaintif-plaintif gagal membuktikan bahawa pengataan-pengataan dalam artikel tersebut merujuk kepada mereka. Oleh itu, plaintif-plaintif gagal membuktikan tuntutan mereka terhadap defendan-defendan (lihat perenggan 43 & 45).

[English summary

The plaintiffs claimed against the defendants for damages for tort of defamation based on the publication of an article by the defendants. This publication included the online version of the newspaper. The plaintiffs stated that the sting of the defamatory words vested upon the entire article which was alleged to have carried the meaning that the plaintiffs were drunkards; chaos-makers and had breached the laws; the police had to be summoned to get rid of the plaintiffs from a hotel in Sydney during the Sikh Australia Championship on April 2012; the plaintiffs were rough and liked to quarrel and had caused nuisance to the guests; the plaintiffs first started drinking and acting indecently; caused problems with the other passengers; created hazard on the flight; caused chaos as soon as the safety belt sign went off and continued to do so during the entire period of the hockey championship in Sydney; the plaintiffs would cause problem and chaos in the Malaysian hockey team; by enlisting the plaintiffs in the Malaysian hockey team, the future of the Malaysian hockey team was doomed; the plaintiffs had bad reputation and it was so bad and embarrassing that they should not be allowed to be in the radius of 100km from the Malaysian hockey team. The defendants, in their defence, admitted that the article was published but denied that it referred to the plaintiffs. The defendants further submitted that the article was not defamatory and pleaded the defence of justification and qualified privilege.

Held, dismissing the claim with costs of RM30,000:

(1) The article did not name any players including the plaintiffs and generally mentioned three individuals who were drunkards and gamblers. In this action, the plaintiffs did not complain on the statements

and a certain individual but on three sets of siblings who were on their way to the Australian Sikh Games in Sydney who were kicked out from the hotel. There was no linking evidence that could inferentially identify the three pairs of Sikh siblings in the said article, hence it was baseless for the plaintiffs to state that the article referred to them (see paras 26–28 & 34).

(2) Even though the defendants had published the article and by their admission, the publication of the article had been proved, the plaintiffs failed to prove that the statements in the article referred to them. Hence, the plaintiffs failed to prove their claim against the defendants (see paras 43 & 45).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai libel, lihat 12(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 523–723.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Khalid @ Khalid Jafri bin Bakar Shah v Parti Islam Se Malaysia & Ors [2002] 1 MLJ 160; [2001] 4 CLJ 15, MT (dirujuk)

Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi [1989] 1 MLJ 315, MT (dirujuk)

Chok Foo Choo @ Chok Kee Lian v The China Press Bhd [1999] 1 MLJ 371, MR (dirujuk)

Datuk Seri Anwar bin Ibrahim v Wan Muhammad Azri bin Wan Deris [2014] 9 MLJ 605, MT (dirujuk)

David Syme & Co v Canavan (1918) 25 CLR 234, MT (dirujuk)

Institute of Commercial Management, United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd [1993] 1 MLJ 408; [1993] 2 CLJ 365, MT (dirujuk)

JB Jeyaretnam v Goh Chok Tong [1985] 1 MLJ 334 (dirujuk)

Kian Lup Construction v HongKong Bank Malaysia Bhd [2002] 7 MLJ 283, MT (dirujuk)

Knupffer v London Express Newspaper Ltd [1944] AC 116, HL (dirujuk)

Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Devies & Ors [1990] 1 MLJ 390; [1990] 3 CLJ 691 (Rep); [1990] 1 CLJ 583, MT (dirujuk)

S and K Holdings Ltd and others v Throgmorton Publications Ltd and another [1972] 3 All ER 497, MR (dirujuk)

R S Sodhi (Watson Peters & Mohd Fuad) bagi pihak plaintiff.
Yee Mei Ken (Teh Soo Jin) (Shearn Delamore & Co) bagi pihak defendan

Rosilah Yop H:

RINGKASAN FAKTA KES

[1] Di dalam tindakan ini, plaintif-plaintif menuntut terhadap defendan-defendan untuk ganti rugi bagi tort fitnah.

[2] Kes plaintif-plaintif adalah bahawa defendan-defendan telah menerbitkan Artikel yang mengandungi pengataan yang dikatakan fitnah melalui Akhbar *Malay Mail* bertarikh 9 Oktober 2012. Terbitan ini juga termasuk versi dalam talian (*online version*) akhbar berkenaan.

[3] Versi akhbar artikel tersebut bertajuk *THE DRUNKARD, THE GAMBLER AND THE FIXER* (Ikatan B ms 5).

[4] Manakala versi dalam talian pula bertajuk *The Drunkard, The Gambler and The Fixer* (Ikatan B ms 6 dan 7). Bagi kedua-dua versi ini akan dirujuk sebagai artikel tersebut.

[5] Pihak defendan di dalam pembelaan mereka akui artikel tersebut diterbitkan oleh defendan-defendan. defendan-defendan menafikan yang artikel tersebut merujuk kepada plaintif-plaintif. Artikel tersebut tidak berunsur fitnah. defendan-defendan juga memplid pembelaan justifikasi dan perlindungan bersyarat.

PENILAIAN DAN PENDAPAT MAHKAMAH

Prinsip undang-undang

[6] Adalah undang-undang mantap bahawa untuk plaintif-plaintif berjaya di dalam tuntutan kes fitnah ini, beban pembuktian adalah terletak ke atas plaintif-plaintif untuk membuktikan semua elemen-elemen berikut:

(a) pengataan-pengataan di dalam artikel tersebut berunsur fitnah; dan

(b) pengataan-pengataan berkenaan merujuk kepada plaintif-plaintif; dan

(c) pengataan berkenaan telah diterbitkan-rujuk pada kes-kes *Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315, *Datuk Seri Anwar Ibrahim v Wan Muhammad Azri bin Wan Deris* [2014] 9 MLJ 605, *Kian Lup Construction v Hong Kong Bank Malaysia Bhd* [2002] 7 MLJ 283; .

Adakah pengataan di dalam artikel tersebut berunsur fitnah

[7] Melalui perenggan 5, penyata tuntutan terpinda plaintif-plaintif, mereka telah memplidkan artikel tersebut yang dikatakan memfitnah plaintif-plaintif.

[8] Plaintif-plaintif menyatakan sengatan (*sting*) pengataan-pengataan fitnah itu terletak pada keseluruhan artikel tersebut.

[9] Di dalam kes-kes *S and K Holdings Ltd and others v Throgmorton Publications Ltd and another* [1972] 3 All ER 497 dan kes *Lee Kuan Yew v Devan Nair* [1990] 3 MLJ 452 di mana mahkamah menyatakan bahawa mana-mana bahagian artikel yang tidak jelas maka sengatannya adalah terletak pada keseluruhan artikel tersebut dan tidak terbuka kepada plaintif-plaintif untuk memilih pengataan yang dikatakan fitnah itu. Plaintif-plaintif perlu mengambil keseluruhan artikel tersebut.

[10] Plaintif-plaintif menyatakan pengataan fitnah tersebut dalam maksud semulajadi dan biasa bermaksud bahawa:

(a) plaintif-plaintif adalah pemabuk;

(b) plaintif adalah pembuat kekecohan dan telah melanggar undang-undang;

(c) pihak polis terpaksa dipanggil untuk mengusir plaintif-plaintif dari sebuah hotel di Sydney semasa Kejohanan Sikh Australia di Sydney pada bulan April 2012;

(d) plaintif adalah seorang yang kasar dan suka bergaduh dan menyebabkan banyak gangguan kepada tetamu;

(e) plaintif mula minum, berkelakuan tidak senonoh, mewujudkan masalah dengan penumpang lain, mewujudkan bahaya di atas kapal pesawat, menyebabkan huru-hara sebaik sahaja tanda tali pinggang keledar di dalam pesawat telah dimatikan dan terus berbuat demikian untuk tempoh keseluruhan Kejohanan Hoki di Sydney;

(f) plaintif akan menyebabkan masalah dan kekacauan dalam pasukan Hoki Malaysia;

(g) dengan memasukkan plaintif dalam pasukan Hoki Malaysia, masa depan pasukan Hoki Malaysia telah menemui kegagalan; dan

(h) plaintif mempunyai reputasi yang buruk dan adalah begitu buruk dan memalukan dan mereka tidak harus dibenarkan untuk datang dalam lingkungan 100 batu dari pasukan Hoki Malaysia.

[11] Semasa perbicaraan dijalankan, plaintif-plaintif telah merujuk pada bahagian-bahagian di bawah ini di dalam artikel tersebut dan disoal balas oleh defendan-defendan. Bahagian-bahagian tersebut adalah dalam Ikatan B ms 5:

(a) kolum 1 dari kiri artikel tersebut berbunyi:

> It was shocking that among the 38 players the South African called up for the Asian Champions trophy and also the Champions Trophy Challenge 1 tournaments this year were the players who should not even be allowed within 100 miles of the Malaysian Team.

(b) kolum 2, berbunyi:

> another and his younger brother were among the players who caused his hockey team to be evicted from the hotel they were staying in during the Australian Sikh Games in Sydney in April this year. The hotel management had to call the police who enforced the eviction and the team had to look for alternative accommodation in the middle of the night.

(c) kolum 3, berbunyi:

> apparently the rowdies which included this recalled international embarked on an early drinking binge and caused so much din and disturbance to the other guest.
>
> Source who had travelled with the team had this to say: 'The moment the 'seat belt' sign was switched off after the plane had taken off from KLIA, this player, his brother and a some others started their nonsence. By the time we arrived in Sydney they were already drunk and never stopped.

(d) kolum 4, berbunyi:

> When told that player was recalled to the national team, his immediate response was 'God Help Malaysian Hockey'.

[12] Di dalam buku yang berautoriti *Gatley on Libel and Slander*, (9th Ed), penulisnya menyatakan seperti berikut:

> Any imputation which may tend to lower the Plaintiff in the estimation of right thinking members society generally, to cut him off from society or to expose him to hatred, contempt or ridicule is defamatory of him.

[13] Di dalam kes Mahkamah Rayuan, *Chok Foo Choo @ Chok Kee Lian v The China Press Bhd* [1999] 1 MLJ 371, Mahkamah Rayuan mengenakan ujian seperti berikut:

> ... the test is to be applied lies in the question: do the words published in their natural and ordinary meaning impute to the Plaintiff any dishonourable or discreditable conduct or motives or a lack of integrity on his part? If the question invites an affirmative response, then the words complained of are defamatory.

[14] Makna biasa dan semula jadi yang memfitnah plaintif-plaintif, ujian yang perlu dipertimbangkan sama ada pengataan-pengataan tersebut mendedahkan plaintif-plaintif kepada kebencian, cemuhan atau penghinaan di dalam pemikiran pembaca yang munasabah akan cenderung untuk menurunkan plaintif-plaintif dalam anggaran pemikiran masyarakat umum — lihat kes *JB Jeyaretnam v Goh Chok Tong* [1985] 1 MLJ 334.

[15] Oleh itu makna biasa dan semula jadi boleh termasuk apa-apa kesimpulan atau implikasi yang munasabah di mana pembaca biasa akan membuat kesimpulan dari pembacaan tersebut.

[16] Di dalam tindakan ini, apakah pembaca munasabah akan mentafsirkan dengan membaca artikel tersebut?

[17] Pengataan-pengataan yang diadukan itu telah mendedahkan plaintif-plaintif kepada kebencian, cemuhan dan penghinaan dalam fikiran pembaca yang munasabah. Sebagai pengataan-pengataan yang menyerang akhlak yang dikatakan ditujukan kepada plaintif-plaintif sebagai seorang pemabuk, melanggar undang-undang, seorang yang kasar, suka bergaduh, banyak buat gangguan, berkelakuan tidak senonoh, menyebabkan masalah dalam Pasukan Hoki Malaysia dan boleh menyebabkan masa depan Pasukan Hoki Malaysia menemui kegagalan serta plaintif-plaintif mempunyai reputasi yang teruk dan tidak harus dibenarkan untuk datang dalam lingkungan 100 batu dari Pasukan Hoki Malaysia.

[18] Oleh itu, saya berpendapat pengataan-pengataan yang dikatakan fitnah itu adalah pengataan yang berunsur fitnah terhadap plaintif-plaintif.

Sama ada pengataan-pengataan berkenaan merujuk kepada plaintif

[19] Adalah undang-undang tidak dipertikaikan bahawa dalam suatu tindakan fitnah, pengataan fitnah hendaklah merujuk kepada plaintif.

[20] Di dalam kes *Institute of Commercial Management, United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd* [1993] 1 MLJ 408; [1993] 2 CLJ 365, His Lordship Lim Beng Choon J menyatakan:

> It is an essential element of the cause of action for defamation that the words complained of should be published 'of the Plaintiff'. The test which the Plaintiff has to furnish an answer to satisfy the Court is whether the words would reasonably in the circumstances lead persons acquainted with the Plaintiff to believe that he was the person referred to.

[21] Dalam kes *Knupffer v London Express Newspaper Ltd* [1944] AC 116

telah diputuskan:

> ... it is an essential element of the cause of action for defamation that the words complained of should be published 'of the Plaintiff'. Where he is not named the test of this is whether the words would reasonably lead people acquainted with him to the conclusion that he was the person referred to. The question whether they did so in fact does not arise if they cannot in law be regarded as capable of referring to him. If a defamatory statement made of a class or a group can reasonably be understood to refer to every member of it, each one has a cause of action ....

Pengataan fitnah tidak perlu merujuk kepada plaintif dengan nama

[22] Dalam kes *Abdul Khalid @ Khalid Jafri bin Bakar Shah v Parti Islam Se Malaysia & Ors* [2002] 1 MLJ 160; [2001] 4 CLJ 15 menyatakan:

> It was not necessary that the words should refer to the Plaintiff by name, provided that the words would be understood by reasonable people to refer to the Plaintiff.

[23] Kamalanathan Ratnam J di dalam kes *Abdul Khalid @ Khalid Jafri bin Bakar Shah v Parti Islam Se Malaysia & Ors* [2002] 1 MLJ 160; [2001] 4 CLJ 15di mana beliau telah menyatakan:

> The overriding question was not whether anyone could identity the Plaintiff but whether reasonable persons acquainted with him could identify him from the words used. It was not necessary that the defamatory words should refer to the Plaintiff by name; it would suffice if he was referred to by means of a description of his physical pecularities.

[24] Di dalam kes *David Syme & Co v Canavan* (1918) 25 CLR 234, Mahkamah Tinggi di Australia, di dalam menentukan identiti plaintif di dalam kenyataan yang dikatakan memfitnah memutuskan:

> The test is whether words that do not specifically name the Plaintiff refer to him or not is this: Are they such as reasonably in the circumstances would lead persons acquainted with the Plaintiff to believe that he was the person referred to? That does not assume that those persons who read the words know al the relevant facts. But although the Plaintiff is not named in words, he may, nevertheless, be described so as to be recognised; and whether that description takes the form of word-picture of an individual or the form of a reference to a class of persons of which he is or is believed to be a member, or any other form, if in the circumstance the description is such that a person hearing or reading the alleged libel would reasonably believe that the Plaintiff was refered to, that is a sufficient reference to him.

[25] Begitu juga di dalam kes *Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Devies & Ors* [1990] 1 MLJ 390; ; [1990] 3 CLJ (Rep) 691 ; [1990] 1 CLJ 583, mahkamah telah memutuskan:

> On the issue of identity, as the plaintiff's case is that an ordinary reader reading the article would reasonably understand the words to refer to him, the question is whether an ordinary reader reading the article would reasonably come to that conclusion. The test is an objective one.

[26] Adalah tidak dipertikaikan bahawa artikel tersebut tidak menamakan mana-mana pemain termasuk plaintif-plaintif.

[27] Artikel tersebut telah menyebut secara amnya ciri-ciri tiga individu sebagai pemabuk, kaki judi dan pengatur.

[28] Di dalam tindakan ini, plaintif-plaintif tidak mengadu pada pengataan yang dibuat pada seseorang individu tertentu tetapi berkaitan dengan tiga set adik-beradik yang dalam perjalanan untuk Australian Sikh Games di Sydney yang semuanya telah diusir keluar dari hotel.

[29] Plaintif-plaintif di dalam penyata tuntutan terpindanya pada perenggan 7 menyatakan:

> 7. Fakta dan perkara yang Plaintif-Plaintif bergantung untuk menunjukkan bahawa perkataan yang tersebut dirujuk kepada Plaintif adalah seperti berikut:
>
> () 7.1 Hanya kedua-dua Plaintif adalah adik-beradik Sikh yang berada di dalam pasukan hoki Malaysia;
>
> () 7.2 Plaintif pertama merupakan pemain hoki antarabangsa tunggal yang dipanggil balik yang dirujuk didalam artikel tersebut yang bersama adiknya adalah sebahagian pasukan hoki yang pergi untuk Kejohanan Sikh Australia pada April 2012 seperti yang dirujuk di dalam Artikel tersebut.
>
> () 7.3 Hanya kedua-dua plaintif adalah adik-beradik Sikh yang berada di atas kapal penerbangan ke Sydney yang meninggalkan KLIA untuk Kejohanan Sikh Australia pada April 2012; dan
>
> () 7.4 Hanya kedua-dua Plaintif adalah adik-beradik Sikh yang merupakan sebahagian daripada pasukan hoki yang telah diusir dari sebuah hotel di Sydney dengan kehadiran polis semasa Kejohanan Sikh Australia pada April 2012.

[30] Plaintif memplidkan hanya kedua-dua plaintif sahaja adik-beradik Sikh yang berada dalam pasukan Hoki Malaysia dan yang pergi ke Kejohanan Sikh Australia pada April 2012. Juga hanya mereka berdua sahaja yang berada atas penerbangan ke Sydney untuk Kejohanan Sikh Australia pada April 2012, dan hanya mereka berdua adik-beradik Sikh yang diusir dari sebuah hotel di Sydney.

[31] Manakala pihak defendan-defendan di dalam pembelaan terpinda memplidkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga pasangan adik-beradik Sikh termasuk plaintif-plaintif dalam penerbangan ke Sydney dan mereka adalah sebahagian daripada pasukan Sikh Malaysia semasa di Australian Sikh Games 2012. Juga ketiga-tiga pasangan adik-beradik ini telah diusir dari sebuah hotel di Sydney. Dua pasangan adik-beradik lain adalah:

(a) Taranjeet Singh dan Avtar Singh; dan

(b) Aman Singh dan Himat Singh.

[32] Semasa plaintif pertama disoalbalas, beliau akui tentang fakta ini.

[33] Berdasarkan pada pembelaan terpinda defendan pada perenggan 11.1 hingga 11.4 yang tidak disangkal oleh plaintif juga pengakuan plaintif sendiri bahawa terdapat dua pasangan adik-beradik lagi di dalam pasukan Sikh Malaysia semasa Australian Sikh Games dan semasa penerbangan ke Sydney.

[34] Saya juga dapati dari keterangan yang dikemukakan tidak terdapat keterangan yang boleh menghubungkan untuk mengenal pasti sama ada secara inferens kepada tiga set pasangan adik-beradik Sikh di dalam artikel tersebut, maka adalah tidak berasas untuk plaintif menyatakan artikel tersebut merujuk kepada mereka.

[35] Walaupun begitu, plaintif telah memanggil dua saksi untuk menyatakan bahawa pengataan di dalam artikel tersebut merujuk kepada plaintif-plaintif. Mereka ialah SP1 dan SP2.

[36] SP1 di dalam keterangan beliau, beliau tiada pengetahuan peribadi tentang Australia Sikh Games 2012. Jadi keterangan SP1 ini tidak dapat membuktikan yang pengataan di dalam artikel tersebut merujuk pada plaintif-plaintif.

[37] Manakala SP2 di dalam keterangan beliau di dalam penyata saksi beliau, beliau menyatakan yang beliau membaca artikel tersebut pada akhir Oktober 2012. Tetapi apabila disoal balas, beliau menyatakan beliau membaca artikel tersebut pada hari yang sama artikel tersebut diterbitkan. SP2 semasa memberi keterangan tentang artikel tersebut telah memberi keterangan yang bercanggah tentang bila beliau membaca artikel tersebut.

[38] SP2 ini adalah seorang yang amat rapat dengan plaintif-plaintif dan keluarga plaintif-plaintif. Ini diakui sendiri oleh SP2 dan plaintif pertama sendiri. Dari penelitian saya, semasa SP2 memberi keterangan saya dapati beliau bukanlah saksi yang berfikiran adil (*not a fair minded witness*) di dalam perbicaraan ini yang boleh menyokong kes plaintif-plaintif bahawa artikel tersebut merujuk kepada plaintif-plaintif.

[39] Pihak plaintif-plaintif gagal membuktikan fakta material yang diplidkan dalam perenggan 7 hingga 7.4 untuk menunjukkan bahawa penyataan di dalam artikel tersebut dirujuk kepada plaintif di dalam penyata tuntutan terpinda plaintif-plaintif bahawa:

(a) hanya kedua-dua plaintif adalah adik-beradik Sikh yang berada di dalam pasukan hoki Malaysia,

(b) plaintif pertama merupakan pemain hoki antarabangsa tunggal yang dipanggil balik yang dirujuk di dalam artikel tersebut yang bersama

adiknya adalah sebahagian pasukan hoki yang pergi untuk Kejohanan Sikh Australia pada April 2012 seperti yang dirujuk di dalam artikel tersebut.

(c) hanya kedua-dua plaintif adalah adik-beradik Sikh yang berada di atas kapal penerbangan ke Sydney yang meninggalkan KLIA untuk Kejohanan Sikh Australia pada April 2012; dan

(d) hanya kedua-dua plaintif adalah adik-beradik Sikh yang merupakan sebahagian daripada pasukan hoki yang telah diusir dari sebuah hotel di Sydney dengan kehadiran polis semasa Kejohanan Sikh Australia pada April 2012.

[40] Mahkamah dengan itu berpendapat bahawa pengataan yang diadukan atau dikatakan fitnah itu tidak boleh merujuk kepada plaintif-plaintif kerana terdapat tiga set adik-beradik yang pergi ke Sukan Sikh Australia dan tiada set tunggal yang dikenal pasti merujuk pada artikel tersebut.

[41] Juga kegagalan plaintif-plaintif untuk buktikan perenggan 7 hingga 7.4 seperti yang diplikan di dalam penyata tuntutan terpinda mereka yang artikel tersebut merujuk kepada plaintif-plaintif.

[42] Keterangan SP1 dan SP2 juga tidak dapat menyokong kes plaintif-plaintif yang artikel tersebut merujuk kepada plaintif.

SAMA ADA PENGATAAN BERKENAAN DITERBITKAN

[43] Pihak defendan-defendan melalui pliding mereka telah akui yang mereka telah membuat terbitan pada artikel tersebut. Dengan pengakuan tersebut, maka elemen terbitan ini telah dibuktikan.

KESIMPULAN

[44] Walau bagaimanapun bagi tuntutan tort fitnah, bagi plaintif-plaintif berjaya di dalam tuntutan mereka, mereka mesti membuktikan ketiga-tiga elemen yang dinyatakan di awal tadi.

[45] Memandangkan bahawa pihak plaintif-plaintif gagal membuktikan yang pengataan-pengataan di dalam artikel tersebut merujuk kepada plaintif-plaintif, maka saya dapati pihak plaintif-plaintif gagal membuktikan tuntutannya terhadap defendan-defendan.

[46] Maka dengan itu, berdasarkan pada semua alasan-alasan di atas, tuntutan plaintif-plaintif terhadap defendan-defendan ditolak oleh mahkamah dengan kos sebanyak RM30,000 kepada defendan-defendan.

A *Tuntutan ditolak dengan kos sebanyak RM30,000.*

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor

B

C

D

E

F

G

H

I